



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KESUKANAN SUNTIK ELEMEN PEPADUAN DALAM KALANGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 17 Februari 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan melepaskan kira-kira 5,000 peserta Larian Wilayahku 2019 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hari ini. Program ini dianjurkan oleh Kelab Rekreasi Dan Kecergasan Wilayah Perdana (KRKWP) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Para peserta mula berkumpul seawal 6.00 pagi bagi membuat pendaftaran. Larian ini hanya menawarkan kategori 7km melibatkan peserta daripada pelbagai peringkat umur. Kesemua peserta yang berjaya menamatkan larian menerima pingat dan sijil penyertaan.

Program ini dilaksanakan sebagai galakan kepada warga Wilayah Persekutuan untuk mengekalkan gaya hidup sihat dengan amalan bersenam. Ini bagi memastikan komuniti Wilayah Persekutuan bebas daripada penyakit – penyakit yang berpunca dari masalah obesiti seperti sakit jantung, darah tinggi, kencing manis, strok dan lain – lain lagi. Selain itu, aktiviti sukan yang dianjurkan ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan serta sesama peserta sekaligus menyumbang kepada perpaduan dan kemakmuran masyarakat.

Tema 'Sayangi Wilayaku' untuk sambutan tahun ini dipilih untuk menyatukan rakyat berbilang kaum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan rakyat supaya menghargai pengertian sebenar Hari Wilayah Persekutuan. Kolaborasi antara kerajaan dan NGO dalam menganjurkan program seperti ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan kewangann selain pelaksanaan program dibuat dengan lebih mantap.

Disediakan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
17 Februari 2019